

**METODOLOGI
SUMBER DATA**

2021

METODOLOGI


Penyusunan data akaun negara yang ditunjukkan dalam penerbitan ini meliputi beberapa perkara daripada sistem perakaunan negara yang merekodkan semua aktiviti ekonomi. Sistem perakaunan negara meliputi pengeluaran, perbelanjaan, penjana dan pengagihan pendapatan, pembiayaan, tabungan dan pelaburan bagi keseluruhan ekonomi. Sistem perakaunan ini ditakrifkan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu dan transaksi yang diberikan adalah mengikut panduan *System of National Accounts 2008 (2008 SNA)*.

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)

KDNK adalah jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan di Malaysia yang tidak termasuk pengiraan dua kali, dalam tempoh tertentu selepas ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Nilai ini merupakan nilai sebelum ditolak nilai peruntukan bagi modal tetap; iaitu jumlah nilai ditambah pada nilai pengeluar bagi pengeluar residen ditambah dengan duti import.

KDNK merupakan sistem perakaunan catatan beregu dan di dalam penerbitan ini, ianya menggunakan kaedah berikut:

- (a) Jumlah nilai ditambah kasar bagi semua pengeluar yang terlibat dalam ekonomi; atau



- (b) Perbezaan antara output kasar bagi semua pengeluar tolak input perantaraan.



OUTPUT

Output ialah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan. Ini termasuk pengeluaran untuk pasaran, pengeluaran untuk kegunaan sendiri dan pengeluaran bukan pasaran (kerajaan dan institusi swasta bukan berasaskan keuntungan yang memberi perkhidmatan kepada isi rumah). Pengeluaran barangan dan perkhidmatan tidak semestinya untuk dijual atau perolehan syarikat/pertubuhan.

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)

KDNK adalah jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan di Malaysia yang tidak termasuk pengiraan dua kali, dalam tempoh tertentu selepas ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Nilai ini merupakan nilai sebelum ditolak nilai peruntukan bagi modal tetap; iaitu jumlah nilai ditambah pada nilai pengeluar bagi pengeluar residen ditambah dengan duti import.

KDNK merupakan sistem perakaunan catatan beregu dan di dalam penerbitan ini, ianya menggunakan kaedah berikut:

- (a) Jumlah nilai ditambah kasar bagi semua pengeluar yang terlibat dalam ekonomi; atau
- (b) Perbezaan antara output kasar bagi semua pengeluar tolak input perantaraan.

OUTPUT

Output ialah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan. Ini termasuk pengeluaran untuk pasaran, pengeluaran untuk kegunaan sendiri dan pengeluaran bukan pasaran (kerajaan dan institusi swasta bukan berdasarkan keuntungan yang memberi perkhidmatan kepada isi rumah). Pengeluaran barangan dan perkhidmatan tidak semestinya untuk dijual atau perolehan syarikat/pertubuhan.

INPUT PERANTARAAN

Input perantaraan ialah nilai barangan dan perkhidmatan yang digunakan (sebagai input) dalam proses pengeluaran barang dan perkhidmatan yang tidak termasuk gaji dan upah, susut nilai daripada modal dan faedah bersih yang dibayar.

NILAI DITAMBAH

Nilai ditambah ialah perbezaan di antara output dan input perantaraan. Ia merupakan pertambahan nilai ditambah terhadap barangan dan perkhidmatan hasil daripada aktiviti perindustrian. Oleh itu, ia hampir menyamai dengan keuntungan perniagaan, gaji dan upah, susut nilai dan cukai tidak langsung campur faedah yang dibayar dan tolak faedah yang diterima.

INDUSTRI

METODOLOGI

GETAH

Output pada harga malar diperoleh dengan menggunakan kuantiti pengeluaran getah dan maklumat harga mengikut negeri. Output juga termasuk anggaran pembentukan modal tetap daripada tanaman baru.

Anggaran input perantaraan pada harga malar diperoleh dengan menggunakan nisbah input-output tahun 2015. Nisbah ini dikemas kini berdasarkan data terkini. Selain itu, nilai FISIM turut diambil kira sebagai input perantaraan. Nilai ditambah adalah hasil perbezaan antara output dan input perantaraan.

KELAPA SAWIT

Output pada harga malar diperoleh dengan menggunakan kuantiti pengeluaran mengikut negeri dan maklumat harga sawit mengikut zon. Output juga termasuk anggaran pembentukan modal tetap daripada tanaman baru.

Anggaran input perantaraan pada harga malar diperoleh dengan menggunakan nisbah input-output tahun 2015. Nisbah ini dikemas kini berdasarkan data terkini. Selain itu, nilai FISIM turut diambil kira sebagai input perantaraan. Nilai ditambah adalah hasil perbezaan antara output dan input perantaraan.

TERNAKAN

Output pada harga malar diperoleh dengan menggunakan maklumat kuantiti dan harga bagi setiap jenis ternakan mengikut negeri. Output ini juga termasuk anggaran bagi baka ternakan yang dianggap sebagai aset tetap.

Anggaran input perantaraan pada harga malar diperoleh dengan menggunakan nisbah input-output tahun 2015. Nisbah ini dikemas kini berdasarkan data terkini. Selain itu, nilai FISIM turut diambil kira sebagai input perantaraan. Nilai ditambah adalah hasil perbezaan antara output dan input perantaraan.

PERTANIAN LAIN

Output pada harga malar diperoleh dengan menggunakan harga mengikut jenis tanaman dan kuantiti pengeluaran di setiap negeri. Output juga termasuk bagi pembentukan modal tetap tanaman baru .

INDUSTRI

METODOLOGI

Anggaran input perantaraan pada harga malar diperoleh dengan menggunakan nisbah input-output tahun 2015. Nisbah ini dikemas kini berdasarkan data terkini. Selain itu, nilai FISIM turut diambil kira sebagai input perantaraan. Nilai ditambah adalah hasil perbezaan antara output dan input perantaraan.

**PERHUTANAN DAN
PEMBALAKAN**

Output pada harga malar diperoleh dari jumlah kuantiti balak mengikut negeri dan harga mengikut spesies bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Output juga mengambil kira anggaran balak yang ditanam tetapi belum mencapai tempoh matang untuk ditebang sebagai pembentukan modal.

Anggaran input perantaraan pada harga malar diperoleh dengan menggunakan nisbah input-output tahun 2015. Selain itu, nilai FISIM turut diambil kira sebagai input perantaraan. Nilai ditambah adalah hasil perbezaan antara output dan input perantaraan.

PERIKANAN

Output pada harga malar diperoleh dengan menggunakan kuantiti pendaratan ikan laut dan pengeluaran akuakultur mengikut negeri serta harga mengikut spesies.

Anggaran input perantaraan pada harga malar diperoleh dengan menggunakan nisbah input-output tahun 2015. Selain itu, nilai FISIM turut diambil kira sebagai input perantaraan. Nilai ditambah adalah hasil perbezaan antara output dan input perantaraan.

**PETROLEUM MENTAH DAN
GAS ASLI**

Anggaran output dan penggunaan perantaraan pada harga semasa adalah berdasarkan data banci/ penyiasatan tahunan. Bagi yang tiada banci/ penyiasatan tahunan, kuantiti pengeluaran dan maklumat harga bagi minyak mentah, kondensat dan gas asli telah digunakan. Kaedah deflasi berganda digunakan untuk mendapatkan nilai ditambah pada harga malar. FISIM telah diambil kira sebagai input perantaraan. Nilai ditambah diperoleh daripada hasil perbezaan output dan input.

INDUSTRI

PERLOMBONGAN LAIN

METODOLOGI

Industri ini termasuk penggalan timah, emas, bijih besi, ilmenit dan logam lain serta perlombongan dan penggalan pasir, kelikir, dan lain-lain. Data Banci Ekonomi 2016 menyediakan maklumat output dan input pada harga semasa dan nilai ditambah adalah hasil perbezaan output dan input. Kaedah deflasi berganda digunakan untuk mendapatkan nilai ditambah pada harga malar.

Nilai FISIM telah diambil kira sebagai input perantaraan. Bagi tahun seterusnya, data pengeluaran daripada Jabatan Mineral & Geosains Malaysia digunakan untuk mendapatkan anggaran pada harga malar.

PEMBUATAN

Banci/ Penyiasatan Tahunan Pembuatan menyediakan data bagi kedua-dua output dan input. Bagi tahun-tahun di mana tiada data banci/ penyiasatan tahunan, data Penyiasatan Pembuatan Bulanan digunakan dalam membuat anggaran nilai ditambah. Pelarasan kepada output dibuat bagi pemasangan/ pemprosesan yang dibuat secara kontrak atau bayaran oleh pihak lain.

Nilai ditambah pada harga malar diperoleh dengan mendeflasi kedua-dua output dan input. FISIM turut diambil kira sebagai input perantaraan.

PEMBINAAN

Penyiasatan/ Banci Dwi-Tahunan Pembinaan digunakan bagi penganggaran harga semasa. Bagi tahun-tahun di mana tiada data banci/ penyiasatan tahunan, data dari Penyiasatan Binaan Suku Tahunan digunakan dalam penganggaran. Sebagai tambahan, maklumat sekunder mengenai aktiviti pembinaan yang berkaitan dengan aktiviti ke hadapan(*upstream activity*) bagi industri minyak dan gas juga digunakan. Nilai FISIM telah diambil kira sebagai input perantaraan.

UTILITI

Maklumat akaun tahunan daripada pengeluar dan pengedar bekalan elektrik dan air sektor swasta menyediakan sukatan atau ukuran bagi nilai semasa. Data seperti ini juga dikumpul daripada industri pengedaran gas.

INDUSTRI

METODOLOGI

Bagi tahun di mana akaun tidak diperoleh, maklumat berkenaan kuantiti elektrik dan air yang dijual atau dikeluarkan digunakan untuk menggerakkan ukuran pada harga malar. Nilai FISIM telah diambil kira sebagai input perantaraan.

Bagi industri pementakan dan pengurusan sisa, maklumat dari Banci Tahunan digunakan untuk mendapatkan anggaran pada harga semasa.

**PERDAGANGAN BORONG
DAN RUNCIT**

Industri ini terbahagi kepada tiga aktiviti utama iaitu borong, runcit dan kenderaan bermotor. Bagi aktiviti runcit ia termasuk aktiviti jualan minyak kenderaan serta membaik pulih peralatan isi rumah, manakala aktiviti kenderaan bermotor termasuk aktiviti membaik pulih kenderaan. Banci Perdagangan Edaran 2014 digunakan sebagai rujukan. Indeks harga yang bersesuaian bagi setiap aktiviti digunakan untuk mendapatkan nilai pada harga malar. Bagi tahun di mana tiada data banci diperoleh, maklumat daripada penyiasatan suku tahunan digunakan untuk menggerakkan output. Nilai FISIM telah diambil kira sebagai input perantaraan.

PENGINAPAN

Banci/ Penyiasatan Perkhidmatan Penginapan digunakan bagi menganggarkan nilai output dan penggunaan perantaraan pada harga semasa. Bagi tahun di mana tiada data banci/ penyiasatan maklumat daripada Penyiasatan Suku Tahunan digunakan sebagai penggerak output. Kaedah deflasi berganda digunakan untuk mendapatkan anggaran pada harga malar menggunakan indeks yang bersesuaian. Nilai ditambah pada harga malar ialah perbezaan antara output dan input perantaraan. Nilai FISIM telah diambil kira sebagai input perantaraan.

MAKANAN DAN MINUMAN

Banci/ Penyiasatan Perkhidmatan Makanan & Minuman digunakan bagi menganggarkan nilai output dan penggunaan perantaraan pada harga semasa. Penyiasatan Perkhidmatan Suku Tahunan digunakan untuk menganggarkan nilai output pada harga semasa bagi tahun yang tiada data banci/penyiasatan. Nilai pada harga malar diperoleh dengan menggunakan indeks yang bersesuaian

INDUSTRI

METODOLOGI

sebagai pendeflasi bagi output dan input. Nilai ditambah pada harga malar ialah perbezaan antara output dan input perantaraan. Nilai FISIM telah diambil kira sebagai input perantaraan.

**PENGANGKUTAN DAN
PENYIMPANAN**

Banci/ Penyiasatan Perkhidmatan Pengangkutan dan Penyimpanan digunakan bagi menganggarkan nilai output dan penggunaan perantaraan pada harga semasa. Bagi tahun di mana banci/ penyiasatan tidak diperoleh, Penyiasatan Perkhidmatan Suku Tahunan digunakan sebagai penggerak kepada output. Bagi sub aktiviti pengangkutan air, pengangkutan udara, operasi lebuhraya, operasi pelabuhan dan lapangan terbang, indikator-indikator yang bersesuaian digunakan untuk pengagihan maklumat output mengikut negeri.

Kaedah deflasi berganda digunakan untuk mendapatkan anggaran nilai ditambah pada harga malar menggunakan indeks yang bersesuaian. Nilai FISIM telah diambil kira sebagai input perantaraan.

MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Banci/ Penyiasatan Perkhidmatan Maklumat dan Komunikasi digunakan bagi menganggarkan nilai output dan penggunaan perantaraan pada harga semasa. Bagi tahun di mana banci/ penyiasatan tidak diperoleh, Penyiasatan Perkhidmatan Suku Tahunan digunakan sebagai penggerak kepada output. Bagi aktiviti telekomunikasi, maklumat output pertubuhan-pertubuhan utama diagihkan mengikut indikator yang bersesuaian.

Kaedah deflasi berganda digunakan untuk mendapatkan anggaran nilai ditambah pada harga malar menggunakan indeks yang bersesuaian. Nilai FISIM telah diambil kira sebagai input perantaraan.

KEWANGAN

Anggaran untuk aktiviti kewangan adalah berasaskan data pinjaman dan deposit yang dibekalkan oleh Bank Negara Malaysia mengikut sektor dan negeri serta bilangan organisasi yang terlibat sebagai broker. Indeks Harga Pengguna

INDUSTRI

METODOLOGI

digunakan untuk menghasilkan penunjuk nilai pada harga malar. Nilai ditambah pada harga malar diperoleh menerusi perbezaan antara output dengan input perantaraan. Nilai FISIM telah diambil kira sebagai input perantaraan.

Perkhidmatan Pengantaraan Kewangan Yang Diukur Secara Tidak Langsung (FISIM)

Caj perkhidmatan ke atas penyimpan dan peminjam untuk deposit dan pinjaman oleh perantara kewangan seperti bank yang diukur secara tidak langsung (FISIM) kini dimasukkan sebagai penggunaan perantaraan bagi pengeluaran barang dan perkhidmatan.

Agihan FISIM mengikut negeri dibuat berdasarkan komposisi nilai ditambah bagi setiap industri. Indeks harga yang bersesuaian digunakan untuk mendapatkan anggaran pada harga malar.

INSURANS

Anggaran untuk aktiviti insurans adalah berasaskan beberapa indikator berkaitan seperti bilangan kenderaan berdaftar, bilangan tenaga buruh dan bilangan kenderaan yang terlibat dalam kemalangan jalan raya bagi mendapatkan output pada harga semasa. Pengiraan input pada harga semasa adalah menggunakan nisbah input-output peringkat nasional. Indeks Harga Pengguna digunakan sebagai pendeflasi untuk menghasilkan nilai pada harga malar. Nilai FISIM telah diambil kira sebagai input perantaraan.

HARTANAH

Anggaran untuk hartanah diperoleh dengan menggunakan pelbagai petunjuk termasuk nilai transaksi harta tanah mengikut kategori pemberi pindah milik dan penerima pindah milik bagi kediaman dan tanah, ruang niaga kompleks perniagaan diduduki, ruang pejabat binaan khas diduduki dan aktiviti dalam industri utama yang berkait dengan industri hartanah. Banci/ Penyiasatan Perkhidmatan Hartanah membekalkan maklumat output dan input bagi aktiviti ejen hartanah.

Kaedah deflasi berganda digunakan untuk mendapatkan anggaran nilai ditambah pada harga malar menggunakan

INDUSTRI

METODOLOGI

indeks yang bersesuaian. Nilai FISIM telah diambil kira sebagai input perantaraan.

PERKHIDMATAN PERNIAGAAN

Banci/ Penyiasatan Perkhidmatan Profesional, Sainifik & Teknikal dan Perkhidmatan Pentadbiran & Sokongan tahun digunakan dalam penganggaran pada harga semasa. Bagi tahun di mana banci tidak diperoleh, Penyiasatan Perkhidmatan Suku Tahunan atau indikator yang berkaitan digunakan sebagai penggerak pada harga semasa.

Kaedah deflasi berganda digunakan untuk mendapatkan anggaran nilai ditambah pada harga malar menggunakan indeks yang bersesuaian. Nilai FISIM telah diambil kira sebagai input perantaraan.

**PEMILIKAN TEMPAT KEDIAMAN
YANG DIDIAMI PEMILIK**

Bilangan kediaman yang didiami pemilik diperoleh dengan menggunakan maklumat bilangan tempat kediaman, peratusan rumah yang didiami dan purata sewa dinilai. Sumber utama maklumat adalah daripada Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016 dan Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016. Bagi tahun-tahun berikutnya, output pada harga malar diekstrapolasi berdasarkan perubahan stok perumahan yang mengambil kira pertambahan faktor perkadaran penduduk yang memiliki rumah sendiri di Malaysia. Nilai FISIM telah diambil kira sebagai input perantaraan.

PENDIDIKAN SWASTA

Maklumat output dan input diperoleh daripada Banci Ekonomi 2016. Bagi tahun-tahun di mana data banci tidak diperoleh, data Penyiasatan Perkhidmatan Suku Tahunan digunakan untuk menggerakkan output pada harga semasa. Nilai FISIM telah diambil kira sebagai input perantaraan.

KESIHATAN SWASTA

Maklumat output dan input diperoleh daripada Banci Ekonomi 2016. Bagi tahun di mana data banci tidak diperoleh, data Penyiasatan Perkhidmatan Suku Tahunan digunakan untuk menggerakkan output pada harga semasa. Nilai FISIM telah diambil kira sebagai input perantaraan.

INDUSTRI	METODOLOGI
PERKHIDMATAN PERSENDIRIAN LAIN	Maklumat output dan input diperoleh daripada Banci Ekonomi 2016. Output pada harga semasa digerakkan menggunakan indikator yang bersesuaian manakala nilai pada harga malar diperoleh menggunakan kaedah deflasi berganda. Nilai FISIM telah diambil kira sebagai input perantara.
PERKHIDMATAN KERAJAAN	Industri ini dikategorikan sebagai pengeluar bukan pasaran, oleh yang demikian nilai ditambah diperoleh daripada nilai pampasan pekerja, pencen yang diperuntukkan kepada pekerja yang sedang bekerja dan penggunaan modal tetap. Penyusunan adalah berdasarkan empat peringkat Kerajaan iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.
INSTITUSI BUKAN UNTUNG SWASTA YANG MEMBERI PERKHIDMATAN KEPADA ISIRUMAH	Maklumat output dan input diperoleh daripada Banci Ekonomi 2016. Output pada harga semasa digerakkan menggunakan indikator yang bersesuaian manakala nilai pada harga malar diperoleh menggunakan kaedah deflasi berganda.
PERKHIDMATAN DOMESTIK KEPADA ISIRUMAH	Anggaran mengikut negeri adalah berdasarkan bilangan pekerja daripada Penyiasatan Tenaga Buruh dan data ini juga digunakan sebagai penggerak bagi penganggaran harga malar untuk tahun yang berikutnya.
DUTI IMPORT	Ukuran muktamad diperoleh daripada laporan tahunan Jabatan Akauntan Negara. Jabatan Kastam Diraja Malaysia memberikan akaun bulanan dari rekod pentadbiran berdasarkan kepada pusat pungutan dan ia digunakan untuk anggaran pada peringkat negeri.
	Indeks harga yang bersesuaian digunakan untuk mendapatkan anggaran pada harga malar.

SUMBER DATA

INDUSTRI

SUMBER DATA

Getah

- Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia
- Perangkaan Getah Tahunan, Malaysia
- Banci Ekonomi
- Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
- Lembaga Getah Malaysia

Kelapa sawit

- Banci Ekonomi
- Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Koko

- Banci Ekonomi
- Kementerian Perusahaan Perladangan & Komoditi, Malaysia
- Lembaga Koko Malaysia

Ternakan

- Banci Ekonomi
- Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Malaysia
- Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak, Sabah
- Jabatan Pertanian Sarawak
- Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani, Malaysia

Pertanian lain

- Banci Ekonomi
- Jabatan Pertanian Malaysia
- Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani, Malaysia
- Kementerian Perusahaan Perladangan & Komoditi, Malaysia
- Lembaga Perindustrian Nanas, Malaysia
- Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara, Malaysia
- Lembaga Lada Malaysia

Perhutanan dan
pembalakan

- Banci Ekonomi
- Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
- Jabatan Perhutanan Sabah
- Jabatan Perhutanan Sarawak
- Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP)

Perikanan

- Banci Ekonomi
- Jabatan Perikanan Malaysia
- Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani, Malaysia

Pengeluaran minyak
mentah dan gas asli

- Banci Petroleum dan Gas Asli
- Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS)
- Statistik Ekonomi Tahunan

INDUSTRI**SUMBER DATA**

Perlombongan lain

- Banci Ekonomi
- Jabatan Mineral dan Geosains, Malaysia
- Statistik Ekonomi Tahunan

Pembuatan

- Penyiasatan Industri Pembuatan Bulanan
- Penyiasatan / Banci Industri Pembuatan Tahunan

Pembinaan

- Statistik Pembinaan Suku Tahunan
- Penyiasatan Industri Pembinaan
- Banci Ekonomi

Utiliti

- Lembaga air, pengeluar serta pengedar bekalan elektrik dan air sektor swasta
- Industri pengedaran gas
- Penyata perakaunan syarikat
- Banci / Penyiasatan Pertubuhan Bekalan Elektrik, Gas, Wap dan Pendinginan Udara
- Banci Bekalan Air; Pembetulan, Pengurusan Sisa dan Aktiviti Pemuliharaan
- Statistik Ekonomi Tahunan

Perdagangan borong dan runcit

- Penyiasatan Perdagangan Edaran Tahunan
- Banci Perdagangan Edaran

Penginapan

- Penyiasatan Perkhidmatan Suku Tahunan
- Banci Perkhidmatan Penginapan
- Statistik Ekonomi Tahunan

Makanan dan minuman

- Penyiasatan Perkhidmatan Suku Tahunan
- Banci/Penyiasatan Perkhidmatan Makanan dan Minuman
- Statistik Ekonomi Tahunan

Pengangkutan dan penyimpanan

- Penyiasatan Perkhidmatan Suku Tahunan
- Banci / Penyiasatan Perkhidmatan Pengangkutan
- Pihak berkuasa pelabuhan, tol dan operasi lapangan terbang
- Statistik Ekonomi Tahunan

Maklumat dan komunikasi

- Penyiasatan Perkhidmatan Suku Tahunan
- Banci Perkhidmatan Maklumat dan Komunikasi
- Agensi kerajaan lain
- Statistik Ekonomi Tahunan

INDUSTRI**SUMBER DATA**

Kewangan

- Bank Negara Malaysia
 - Penyata Kewangan Syarikat
-
-

Insurans

- Bank Negara Malaysia
 - Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
 - Polis Diraja Malaysia (PDRM)
-
-

Hartanah

- Penyiasatan Perkhidmatan Suku Tahunan
 - Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)
 - Banci Ekonomi
 - Statistik Ekonomi Tahunan
-
-

Perkhidmatan
perniagaan

- Penyiasatan Perkhidmatan Suku Tahunan
 - Banci Perkhidmatan Profesional
 - Statistik Ekonomi Tahunan
-
-

Pemilikan tempat
kediaman yang didiami
pemilik

- Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas
 - Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah
 - Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)
-
-

Pendidikan swasta

- Penyiasatan Perkhidmatan Suku Tahunan
 - Banci/ Penyiasatan Pendidikan Swasta
 - Statistik Ekonomi Tahunan
-
-

Kesihatan swasta

- Penyiasatan Perkhidmatan Suku Tahunan
 - Banci/ Penyiasatan Kesihatan Swasta
 - Statistik Ekonomi Tahunan
-
-

Perkhidmatan
persendirian lain

- Penyiasatan Perkhidmatan Suku Tahunan
 - Penyiasatan Tenaga Buruh
 - Penyiasatan Aktiviti Pelancongan Terpilih
 - Banci Ekonomi
 - Statistik Ekonomi Tahunan
-
-

Perkhidmatan kerajaan

- Akaun kewangan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Berkanun
- Jabatan Akauntan Negara
- Jabatan Perkhidmatan Awam
- Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
- Polis Diraja Malaysia (PDRM)

INDUSTRI

SUMBER DATA

Institusi bukan untung yang memberi perkhidmatan kepada isi rumah

- Penyiasatan Tenaga Buruh

Perkhidmatan domestik kepada isi rumah

- Penyiasatan Tenaga Buruh
- Jabatan Imigresen Malaysia

Duti import

- Jabatan Kastam Diraja Malaysia